

'Anak Ayam' dan 'Keranamu Malaysia' bergema di Kremlin

BH 17 MAR 2002

MENDENGAR ucapan Presiden Vladimir Putin dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, nyata hubungan dua hala Kuala Lumpur-Moscow sedang meningkat ke tahap lebih rapat. Tegas Putin, dia mahu perdagangan Malaysia-Russia (kini AS\$300 juta) ditingkatkan lagi hingga mencapai AS\$500 juta pada masa singkat. Dr Mahathir pula mahu kerjasama dalam bidang penerbangan (*aviation*) dan angkasa lepas (*aerospace*) diterokai dan ditingkatkan. Kemungkinan besar kita akan menubuhkan Suruhanjaya Angkasa Lepas tidak lama lagi.

Bagi Perdana Menteri lawatan ke Moscow adalah kali kedua. Kali pertama pada tahun 1987 dan saya antara ahli Parlimen yang mengiringinya. Lawatan ini adalah kali ketiga bagi saya; kali pertama dengan Tun Razak awal 1970-an.

Tan Sri Abdul Kadir Shamsuddin (Sapura) dan saya, selain daripada rombongan rasmi (31 orang) dijemput menghadiri majlis jamuan negara (makan tengah hari) oleh Putin di Kremlin. Lebih 200 orang dari Kerajaan, sektor swasta dan media bersama Dr Mahathir dalam lawatan ini.

Sebelum jamuan bermula, Ketua Orkestra Presiden Russia telah memberitahu saya dua lagu Melayu akan berkumandang tanpa memberitahu saya nama lagu. Selain daripada Putin dan bahagian protokol Russia, siapa pun tidak tahu lagu-lagu itu akan dipersembahkan.

Maka apabila lagu 'Anak Ayam' dimainkan, bukan saja tetamu dari Malaysia (33 orang) terkejut, mereka amat gembira dan semua yang hadir telah memberi tepukan gemuruh.

Selama jamuan itu lagu klasik Russia telah dinikmati dan sebelum jamuan selesai lagu 'Keranamu Malaysia' telah dimainkan yang mendapat sambutan dan tepukan lebih hebat. Langsung Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata kepada saya: "Hebat! Hebat!"

Datuk Seri Najib Tun Razak pula telah memberi tahu saya besar kemungkinan satu pilihan raya kecil akan berlaku di Kelantan. Tat kala itu hati saya lebih berminat berbicara tentang muzik, bukan politik. Apa lagi tentang politik Kelantan yang minat saya hampir tiada langsung. Lagipun apa yang akan berlaku di Kelantan mudah diramalkan.

Pelajar Malaysia di Russia mahu Rumah Malaysia di Moscow

Dua tahun lepas tiada pelajar Malaysia di Russia. Kini hampir 100 orang, majoriti dalam bidang perubatan. Hampir semua pelajar sendirian. Pengajian tinggi di Russia murah, lebih murah daripada India. Pelajar hanya perlu RM450-RM500 sebulan, sama murah bahkan lebih murah dari sesetengah universiti awam dalam negeri. Majoriti pelajar terdiri daripada

keturunan India dan Cina. Beberapa kerat terdiri daripada Melayu. Russia menjadi tumpuan pelajar kita apabila kerajaan mengiktiraf ijazah perubatan dari lima buah universiti.

Mengikuti Duta Besar Malaysia di Moscow, Datuk Kamarudin Mustafa (orang Kok Lanas) besar kemungkinan jumlah akan berganda pada 2003.

Pelajar yang saya bergaul memohon kerajaan menubuhkan Rumah Malaysia di Moscow seperti adanya Dewan Malaysia di London dan Rumah Melayu di Kaherah.

Dr Mahathir telah menasihati pelajar tekun belajar. Jangan membazir masa dengan kegiatan-kegiatan yang tiada kena-mengena dengan menimba ilmu seperti kelaziman berlaku di sesetengah daripada 14 universiti kerajaan di Malaysia.

Saya berharap Petronas, Mara, kerajaan negeri dan ibu bapa menghantar muda-mudi kita belajar di Russia. Bahasa pengantar adalah Inggeris tetapi bahasa Russia menjadi mata pelajaran wajib.